

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SERI HAJI AHMAD BIN MASLAN  
[PONTIAN]**

**TARIKH : 27 OGOS 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATUK SERI HAJI AHMAD BIN MASLAN [PONTIAN]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah akan diwujudkan Suruhanjaya Siasatan DiRaja tentang 4 perkara iaitu 1MDB, Tabung Haji, FELDA dan MARA. Adakah Kerajaan bercadang untuk membenteng RUU mengenai dana/derma politik dan RUU mengenai perlu dibatalkan kemenangan mana-mana parti politik jika manifesto pilihan raya tidak dipenuhi dalam masa yang tertentu selepas sesuatu PRU.

**JAWAPAN: [YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)]**

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan sentiasa terbuka dalam menerima pandangan dan cadangan penambahbaikan sesuatu perkara yang dibangkitkan oleh pelbagai pihak. Buat masa ini, sekiranya perlu cadangan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja tersebut akan diteliti oleh Kerajaan.

Manakala berkenaan dengan isu dana/ derma politik pula, Kerajaan sentiasa komited dalam mengawal selia sumbangan politik dan bagi tujuan tersebut, dasar sumbangan politik dalam format rang undang-undang telah dikemukakan kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-Undang Parlimen (PSC) pada 7 November 2019.

## **NO. SOALAN: 25**

Setakat ini, maklum balas yang diterima adalah daripada sesi libat urus bersama beberapa parti politik serta sesi taklimat bersama mantan YAB Perdana Menteri Ke-7 pada 8 April 2019. Kerajaan berpendapat bahawa terdapat ruang untuk penambahbaikan dibuat kepada dasar tersebut. Bagi tujuan penambahbaikan tersebut, Kerajaan telahpun mengarahkan Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC) untuk membantu PSC mengadakan kajian lanjut dan sesi *townhall* dengan semua pemegang taruh dan mengemukakan laporan penambahbaikan kepada dasar tersebut kepada Kerajaan.

Sekian, terima kasih.